

Prof. Madya Dr. Mohamad Fadhili Yahaya merupakan seorang Profesor Madya di Universiti Teknologi Mara Cawangan Perlis. Beliau mempunyai pengalaman mengajar lebih 26 tahun di pelbagai institusi termasuk sekolah, institusi perguruan, universiti swasta dan universiti awam. Bidang pengkhususan beliau ialah linguistik gunaan serta pengajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua.

Dr. Nurul Hanilah Mohd Ismath dilahirkan di Klang, Selangor pada 11 April 1984. Telah melanjutkan pelajaran di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) jurusan Sarjana Muda Sains Kemanusiaan (Bahasa dan Sastera Arab) dan Sarjana Sains kemanusiaan (Pengajian Linguistik Arab). Beliau memperoleh PhD dalam Pengajian Linguistik Arab di University of Jordan, Jordan. Beliau telah bekerja di UIAM selama hampir 11 tahun setelah menamatkan pengajian di peringkat Sarjana Muda. Pada masa ini, beliau berkhidmat sebagai pensyarah kanan di Universiti Islam Antarabangsa Kampus Johor Pagoh. Setelah menamatkan pengajian peringkat Sarjana pada Januari 2012, beliau menyampaikan makalah dalam beberapa persidangan seperti di Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah (UIN), Jakarta, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Selain itu, beliau juga telah menerbitkan beberapa jurnal artikel yang berkaitan dengan kajian linguistik Arab terutama dalam semantik, pragmatik dan juga analisis wacana.

Dr. Huda Zuhrah Ab Halim dilahirkan di Ipoh, Perak. Penulis merupakan anak kedua daripada enam orang adik beradik. Penulis dibesarkan dalam keluarga pendidik ditambah dengan minat penulis yang mendalam terhadap bidang Matematik telah mendorong penulis meneruskan pengajian sehingga ke peringkat PhD. Bidang kepakaran yang diteruskan ialah *combinatorial optimization* dan penyelidikan operasi.